

Pasukan pembelaan Najib akan panggil 11 saksi

Kuala Lumpur: Pasukan pembelaan kepada Datuk Seri Najib Tun Razak dalam kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) akan memanggil sekurang-kurangnya 11 saksi, termasuk bekas Perdana Menteri itu sendiri, dalam prosiding bela diri yang ditetapkan berlangsung selama 97 hari bermula 2 Disember ini.

Peguam utama, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, berkata prosiding bela diri akan berlangsung di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Collin Lawrence Sequerah, yang kini hakim di Mahkamah Rayuan.

"Kami akan memanggil kira-kira 11 saksi, tetapi seiring dengan berjalannya waktu, terutama kerana ia mungkin berlanjutan hingga 2025, mungkin akan ada lebih banyak saksi akan dipanggil untuk memberi keterangan.

"Beberapa saksi akan mengemukakan kenyataan, seperti Najib, manakala yang lain akan disepina yang bermaksud mereka akan diperintah untuk hadir," katanya selepas prosiding mahkamah pada Rabu.

Antara yang hadir ialah isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor dan dua anak mereka iaitu Nooryana dan Datuk Mohamad Nizar.

Terdahulu, Mahkamah Tinggi memerintahkan Datuk Seri Najib Tun Razak membela diri terhadap empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk memperoleh suapan berjumlah

RM2.3 bilion dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram yang membabitkan jumlah yang sama.

Hakim Sequerah membuat keputusan itu selepas pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap bekas Perdana Menteri itu bagi semua pertuduhan pada akhir kes pendakwaan.

Perbicaraan ditetap 97 hari

Susulan keputusan itu, Mahkamah Tinggi menetapkan prosiding bela diri akan berlangsung selama 97 hari bermula Disember sehingga November 2025 untuk Najib menjawab semua pertuduhan yang dihadapinya.

Tarikh prosiding ditetapkan ialah 2 hingga 6, 9 hingga 13 Disember ini, manakala tahun depan bermula 6 hingga 10, 13 hingga 17, 20 hingga 24 Januari; 10 hingga 14, 17 hingga 21, 24 hingga 28 Februari; 3 hingga 5, 10 hingga 13, 24 hingga 28 Mac; 7 hingga 10, 15 hingga 17, 21 hingga 24 April; 5 hingga 9 Mei; 16 hingga 20 Jun; 5 hingga 8, 18 hingga 22 Ogos, 8 hingga 12 September; 6 hingga 10 Oktober dan 3 hingga 7 November.

Mengulas keputusan mahkamah itu, Muhammad Shafee berkata, anak guamnya berasa sangat kecewa dengan keputusan itu, tetapi pihaknya akan bersiap bersedia menghadapi prosiding pembelaan.



Shafee (kiri) hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, kelmarin.

(Foto Mohamad shahril badri saali/BH)

"Pertama, kami (pasukan pembelaan) berasa amat kecewa, anak guam saya (Najib) sangat kecewa kerana kami sudah mengemukakan hujah yang kami harapkan akan diberi pertimbangan serius (oleh mahkamah).

"Yang kedua, kami berasakan bahawa banyak bukti yang dipertimbangkan hakim adalah berdasarkan keterangan dengar cakap (hearsay). Ini mungkin salah satu atau mungkin satu-satunya kes di mana bukti berdasarkan keterangan dengar cakap diterima sepenuhnya.

"Saya sangat terkejut, ini mungkin satu-satunya kes yang pernah

saya hadapi di mana pada tahap ini saya tidak menang satu pun perkara," katanya.

Bagaimanapun, katanya pasukan pembelaan dan anak guamnya menerima dan menghormati keputusan mahkamah dan akan bersiap sedia menghadapi prosiding bela diri yang diperintahkan.

Sementara itu, ketika mengulas permohonan maaf Najib menerusi kenyataan dikeluarkan Muhammad Nizar, Muhammad Shafee berkata, ini kerana bencana 1MDB berlaku ketika pentadbiran Najib sebagai Perdana Menteri dan bukan kerana be-

liau bersalah.

Muhammad Shafee berkata, permohonan maaf terbabit disalah erti ramai, termasuk pihak lawan.

"Jika anda adalah ketua kerajaan dan perkara buruk berlaku di bawah pentadbiran anda, anda meminta maaf dan itulah yang sebenarnya beliau (Najib) lakukan.

"Dia tidak meminta maaf untuk tujuan mendapatkan keputusan lebih baik di sini (mahkamah), cuma beliau berasakan sudah tiba masanya meminta maaf sematamata kerana ia berlaku ketika pentadbirannya," katanya.